



## JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA (Mdl)

### **KENYATAAN MEDIA**

#### **PELAKSANAAN PEMBAYARAN MELALUI KAD DEBIT DAN KAD KREDIT DI KAUNTER BAYARAN IBU PEJABAT DAN CAWANGAN – CAWANGAN JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA (Mdl)**

Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) sentiasa komited dalam mentadbir dan menguruskan hal ehwal yang berkaitan dengan insolvensi. Dalam menghadapi pandemik COVID-19 yang melanda global khususnya Malaysia, selari dengan keperluan untuk bekerja secara norma baharu, Mdl telah mengambil inisiatif untuk menambah saluran bayaran dengan pelaksanaan perkhidmatan pembayaran melalui terminal kad debit dan kad kredit di kaunter bayaran Ibu Pejabat dan 21 cawangan Mdl.

Installasi terminal pembayaran telah selesai dilaksanakan di Ibu Pejabat pada 17 Mac 2021 dan sedang diperluaskan ke semua cawangan Mdl di seluruh negara secara berperingkat.

Mdl sebagai agensi Kerajaan Persekutuan adalah bertanggungjawab memastikan hasrat kerajaan ke arah mencapai keberhasilan (*outcome*) Pelan Strategik e-Pembayaran Sektor Awam seperti berikut :

- Pembudayaan *Cashless Society* di Sektor Awam;
- Pengukuhan Perkhidmatan e-Pembayaran Sektor Awam; dan
- Pemantapan Tahap Keyakinan Terhadap e-Pembayaran Sektor Awam.

Selain pelaksanaan pembayaran secara dalam talian bagi deposit pempetisyen, bayaran ansuran dan carian status kebankrapan / penggulungan syarikat di portal eInsolvensi, pembayaran melalui terminal kad debit dan kad kredit ini adalah satu lagi usaha Mdl dalam memainkan peranan untuk menggalakkan pembayaran secara dalam talian dan ke arah *cashless counter*.

Mdl juga telah menyediakan Pelan Pendigitalan Mdl 2021 – 2025. Kerjasama yang terjalin antara Mdl dan AFFIN BANK sebagai *Acquiring Bank* bagi saluran tambahan bayaran yang baharu ini adalah seiring dengan langkah transformasi Mdl ke arah pendigitalan. Mdl percaya dengan sokongan AFFIN BANK, kedua-dua pihak akan dapat mengoptimumkan kemajuan teknologi dalam perkhidmatan kerajaan khususnya pembayaran secara dalam talian di Mdl dan seterusnya meningkatkan penyampaian perkhidmatan (*public delivery system*).

Mdl sentiasa berusaha untuk memudahkan orang awam berurusan di semua kaunter bayaran Mdl. Selain pembayaran menggunakan kad debit dan kad kredit melalui terminal ini, penambahbaikan secara berterusan akan dilaksanakan dan pelbagai lagi saluran tambahan pembayaran di dalam talian akan diperkenalkan. Antara yang telah dirancang dan sedang diusahakan bersama pihak AFFIN BANK adalah aplikasi telefon bimbit Mdl (*mobile apps*) sejajar dengan pelancaran MyDigital dan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia oleh YAB Perdana Menteri pada 19 Februari 2021.

Mdl berterima kasih kepada orang awam di atas kerjasama yang diberikan terhadap usaha Mdl untuk mengurangkan terimaan tunai di kaunter dan berharap pembayaran melalui terminal kad debit dan kredit ini akan disambut baik oleh semua pihak yang berurusan dengan Mdl.

Sekian, terima kasih.

**JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA**

**24 Mac 2021**